

# Bhg UMNO diingat jangan bina rumah saja

*Biarlah bangunan itu kecil  
asal kita yang dapat faedah*

T.M. 10 MAR 1980

**T**IMBALAN-Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan bahagian-bahagian UMNO supaya jangan mementingkan style semata-mata dalam usaha membina bangunan-bangunan UMNO di peringkat bahagian, sedangkan orang lain yang mendapat faedahnya.

Beliau berkata bangunan-bangunan UMNO yang dibina di peringkat bahagian mestilah memberi hasil kepada UMNO sendiri, jangan orang lain pula mengambil faedahnya.

Katanya, biarlah bangunan-bangunan UMNO kecil, asalkan UMNO sendiri mendapat faedahnya, biarlah tidak ada style asalkan kita sendiri yang punya.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden UMNO Malaysia mengingatkan demikian, ketika berucap dalam satu majlis jamuan makan malam anjuran UMNO Bahagian Kubang Pasu di Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia Cawangan Negeri Kedah di Wisma Negeri di sini malam tadi.

Jamuan tersebut bertujuan mengutip derma dari ahli-ahli perniagaan Melayu Kedah, untuk bangunan UMNO Bahagian Kubang Pasu, di mana Datuk Sri Dr. Mahathir selaku ketua bahagian itu menerima sumbangan lebih \$100 ribu.

Dr. Mahathir berkata selanjutnya kebanyakan bangunan-bangunan UMNO megah dengan bentuk dan style serta tulisan-tulisan yang besar sedangkan yang digunakan hanya sebuah bilik kecil.

Sebab itulah, katanya Kompleks UMNO Malaysia yang berharga \$120 juta memerlukan sumbangan dari setiap ahli UMNO sendiri secara menderma \$1 sebulan yang kalau dikira jumlah keahliannya akan diperolehi \$7.2 juta setahun.

"Sebab kita minta ahli-ahli UMNO menderma ialah kerana kita malu hendak meminta dari orang lain," kata Datuk Sri Dr. Mahathir selanjutnya.

Kepada ahli-ahli perniagaan Melayu, Timbalan Perdana Menteri menasihatkan mereka supaya membuat kebajikan tanpa berhenti-henti kerana Tuhan akan membalas setiap amal kebajikan seseorang itu.

Katanya, walaupun ada ahli-ahli perniagaan Melayu yang tidak puas hati dengan Dasar Ekonomi Baru kerajaan, tetapi sebenarnya mereka terdiri dari golongan yang tidak berjaya dalam perniagaan mereka, yang berjaya hanya diam saja.

## Nikmat

Kerajaan, kata Timbalan Perdana Menteri lagi, telah mengadakan Dasar Ekonomi Baru kepada orang-orang Melayu dan kini di peringkat hendak melihat kejayaannya pula.

Dari segi politik, kata beliau, setiap orang Melayu telah mendapat nikmat dari perjuangan UMNO walaupun mereka miskin kerana kerajaan telah mengadakan berbagai kemudahan kepada mereka.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menambah, banyak cara hendak mencapai kemajuan dalam bidang perniagaan, mereka yang sanggup menghadapi kesusahan saja yang berjaya dalam bidang tersebut, terutama kepada mereka yang berjaya mengatasi masalah.

Beliau berkata, "keayaan seseorang ahli perniagaan bukan kerana mendapat peluang dari kerajaan, tetapi dari usaha mereka yang bertungkus lumus."